



Rujukan : UKM.AKA.100-1/3/5  
Tarikh : 21 November 2019

**PEKELILING AKADEMIK BIL. 32/2019**

Semua Pelajar Program Prasiswazah

Saudara/i,

**PENGEDARAN KAD MASUK PEPERIKSAAN DAN JADUAL WAKTU PEPERIKSAAN (KMJP) SEMESTER I SESI AKADEMIK 2019-2020**

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas, seperti saudara/i sedia maklum bahawa Peperiksaan Akhir Semester I Sesi Akademik 2019-2020 akan bermula pada **26 Disember 2019 hingga 10 Januari 2020**.

Untuk makluman saudara/i, mulai Semester I Sesi Akademik 2014-2015, **pelajar dikehendaki mencetak sendiri Kad Masuk dan Jadual Peperiksaan (KMJP) melalui SMPWEB**. Sehubungan itu, saudara/i boleh mencetak Kad Masuk Peperiksaan dan Jadual Waktu Peperiksaan (KMJP) mulai **4 Disember 2019**.

Sekiranya saudara/i **tidak membuat pengesahan masuk peperiksaan, sila pastikan bayaran denda sebanyak RM15.00 (Ringgit Malaysia: Lima belas ringgit sahaja) dibuat di Bahagian Kewangan Pelajar** terlebih dahulu dan saudara/i perlu ke kaunter Pusat Pengurusan Akademik dengan membawa resit bayaran berkenaan sebelum saudara/i dibenarkan membuat cetakan KMJP melalui SMPWEB. **Saudara/i diingatkan bahawa kad KMJP hendaklah dibawa bersama semasa menduduki peperiksaan. Pelajar yang gagal menunjukkan kad KMJP tidak dibenarkan menduduki peperiksaan.**

Saudara/i juga diingatkan agar mematuhi peraturan peperiksaan di sepanjang tempoh peperiksaan. Sebarang nota (kecuali yang dibenarkan oleh pensyarah) dan telefon bimbit adalah **DILARANG** untuk dibawa masuk ke dalam dewan peperiksaan. Sekiranya saudara/i melanggar peraturan peperiksaan, tindakan tatatertib akan diambil.

Sekian untuk perhatian dan tindakan saudara/i, terima kasih.

Yang benar,

**ROHANA TAN**  
Timbalan Pengarah  
b.p. Timbalan Naib Canselor  
(Hal-ehwal Akademik dan Antarabangsa)



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 01100

**PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (AKADEMIK UKM)**

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia  
Tel.: +603-8911 8025/8024/8455 Faks: +603-8911 8471 E-mel: tpakad@ukm.edu.my  
Web: www.ukm.my/akademik

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • *Inspiring Futures, Nurturing Possibilities*



- s.k:
- Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Akademik dan Antarabangsa)
  - Dekan/Pengarah, Fakulti/Pusat/Institut
  - Pengarah, Pusat Teknologi Maklumat
  - Pengarah, Pusat Kembangan Pendidikan
  - Timbalan Pengarah (Pengurusan Sistem Kualiti) Pusat Kualiti-UKM
  - Ketua Bahagian Kewangan Pelajar
  - Pengetua-Pengetua Kolej Kediaman
  - Pengurus/Eksekutif Kanan/Eksekutif, Fakulti/Pusat/Institut
  - Presiden PMUKM
  - Papan-papan Notis Pelajar



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 01100

**PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (AKADEMIK UKM)**

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia  
Tel.: +603-8911 8025/8024/8455 Faks: +603-8911 8471 E-mel: tpakad@ukm.edu.my

Web: [www.ukm.my/akademik](http://www.ukm.my/akademik)

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • *Inspiring Futures, Nurturing Possibilities*



[www.ukm.my](http://www.ukm.my)